



Kerjasama Melaka-China rancakkan ekonomi

Posted on Friday , 21 April 2017 : 3.00 AM

MELAKA dalam perjalanan sejarahnya daripada empayar Melaka sehingga sekarang terkenal dengan suasana harmoni yang dipupuk oleh semua kaum. 2016 adalah tahun yang membawa pelbagai cabaran di serata dunia dan ketidaktentuan yang dialami membawa kesan kepada kita, namun kita bersyukur bahawa kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang bijak dan pragmatik untuk mempertahankan kedudukan ekonomi dan memberi manfaat kepada rakyat.

Ekonomi Malaysia diramalkan berkembang sekitar 4.3 - 4.5 peratus pada tahun ini. Laporan terbaru oleh Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) menyatakan bahawa ‘meskipun berdepan halangan, ekonomi Malaysia terus menunjukkan prestasi cemerlang’.

Melaka terus mencatatkan peningkatan yang positif selari dengan pertumbuhan ekonomi Malaysia dengan anggaran pertumbuhan sekitar 5 hingga 6 peratus. Menurut laporan terkini Jabatan Perangkaan Malaysia, sektor perkhidmatan kekal sebagai penyumbang utama sebanyak 45.6 peratus kepada KDNK negeri dengan nilai anggaran berjumlah RM14.5 bilion. Sektor pembuatan pula berada di kedudukan kedua dengan sumbangan sebanyak 40.9 peratus dengan nilai anggaran berjumlah RM13 bilion.

Negeri Melaka berada di tangga keempat dalam kalangan negeri-negeri di Malaysia dari segi pertumbuhan KDNK per kapita dengan peratus peningkatan 79.7 peratus dari 2007 hingga 2015 iaitu berada pada paras RM39,853. Kadar kemiskinan di Melaka berada pada paras 0.1 peratus berbanding 0.6 peratus di peringkat nasional.

Nilai pelaburan yang diluluskan oleh MIDA bagi negeri Melaka pada 2016 adalah berjumlah RM1.35 bilion. Daripada jumlah tersebut, RM679.3 juta merupakan pelaburan domestik dan RM675.5 juta adalah pelaburan asing.

Menyedari Melaka tidak mempunyai sumber asli yang boleh dieksport, kerajaan negeri terus bekerja kuat untuk menarik pelaburan dari dalam dan luar negara yang dilaksanakan secara konsisten dan jelas memberi manfaat dalam sektor perkhidmatan, perindustrian dan pelancongan.

Melaka juga telah merekodkan kedatangan pelancong seramai 16.28 juta pelancong pada 2016 berbanding 15.73 juta orang pada 2015. Usaha dilakukan kerajaan negeri untuk menambah produk-produk pelancongan baharu setiap tahun supaya pelawat-pelawat yang berkunjung ke negeri Melaka dapat menikmati kepelbagaiannya tarikan baharu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak telah menggariskan antara unjuran Transformasi Nasional 2050 (TN50) adalah melalui daya inovasi dan kreativiti. Menyahut seruan tersebut, Melaka telah memulakan langkah tersebut dengan menjalankan hubungan kerjasama dengan Wilayah Guangdong di China yang telah menghasilkan beberapa kejayaan.

Antaranya Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka telah menerima 21 jumlah penerbangan sulung sewa khas syarikat China Southern Airlines sejak September 2016 dan Pusat Kebudayaan dan Pelaburan Melaka di Zhuhai telah mendapat sambutan. Muzium Budaya Melaka telah menerima seramai 79,000 pengunjung sejak dibuka pada Mac 2016.

Selain itu, kerajaan negeri juga akan melihat projek-projek yang akan dibina di bawah Melaka Gateway, Kuala Linggi International Port and Impression Melaka berdasarkan kepada tujuh memorandum persefahaman (MoU) yang telah termeterai pada September 2015.

Berikutan perkembangan yang baik ini, kerajaan negeri terus merapatkan hubungan kerjasama dengan Beijing, Urumqi di wilayah Xinjiang, Chengdu di Wilayah Sichuan dan Shanghai bagi melihat potensi yang ada demi merancakkan ekonomi negeri.

Salah satu kaedah untuk meningkatkan pelaburan adalah dengan mengeratkan semula hubungan persahabatan antara Melaka-China yang telah dimulakan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak, khusus dalam cadangan menggalakkan laluan perdagangan laut dan darat yang pernah berlaku pada zaman kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka sekitar abad ke-13. Hasrat ini juga selari dengan cadangan Presiden China, Xi Jinping yang menggelar laluan laut berkenaan sebagai 'The 21st Century Maritime Silk Road'.

Pada 9–17 April 2017, kerajaan negeri Melaka telah membuat lawatan kerja ke Beijing, Urumqi, Chengdu dan Shanghai bagi menjalin kerjasama dalam pelbagai bidang yang menjadi platform kepada usahasama di antara negeri Melaka dan wilayah-wilayah tersebut.

Pelbagai pencapaian telah diperoleh sepanjang lawatan kerja tersebut yang memberi pulangan positif kepada kerajaan negeri Melaka dan antara hasil pencapaian tersebut adalah:

1 Lawatan kerja di Universiti Beihang pada 10 April 2017 di mana Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM) telah menandatangani MoU bersama Shenzhen Flight Industrial Investment Company Limited bagi memulakan pelaburan di Melaka dalam membangunkan Industrial Aerospace Technology City dengan jangkaan jumlah pelaburan lebih RM5 bilion.

Pelaburan ini juga telah membuka kawasan perindustrian baru di Melaka di samping meningkatkan lagi aktiviti ekonomi negeri dan negara. Selain itu, Shenzhen Flight Industrial Investment Company Limited merancang membangunkan empat zon iaitu zon utama, zon perniagaan, zon pelancongan dan zon perumahan. Syarikat juga berhasrat membangunkan kilang pembuatan angkasa lepas dan pusat latihan penerbangan di Melaka.

2 Pada 11 April 2017, kerajaan negeri Melaka melalui PKNM telah menandatangani MoU bersama Shandong Wanda Boto Tyre Co. Ltd. bagi memulakan pelaburan di Melaka dengan jumlah pelaburan sebanyak RM1.2 bilion. Syarikat itu telah menunjukkan minat untuk melabur di Melaka dalam membangunkan kilang pembuatan pelbagai jenis tayar yang berkualiti dengan menggunakan teknologi terkini. Kilang ini akan dibangunkan di Kawasan Perindustrian Elkay, Lipat Kajang, Jasin dengan mengadaptasikan teknologi hijau yang sinonim dengan Melaka Bandaraya Teknologi Hijau. Kawasan perindustrian yang akan dibangunkan adalah seluas 90 ekar dan dijangka beroperasi pada pertengahan 2018. Sebanyak 1,500 peluang pekerjaan akan dimanfaatkan oleh orang negeri melaka.

3 Yang Dipertua Negeri Melaka, Tun Mohd. Khalil Yaakob telah dijemput untuk merasmikan Pameran Lukisan Nan Yang di Galeri Seni Duo Yun Xuan yang terletak di Shanghai. Karya lukisan 11 pelukis terkenal Malaysia telah dipamerkan termasuk Lai Tiew Seong, Liew Ching Nun, Dr. Cheah Thien Song, Cheah Meng Chai, Yee Sze Fook, Puan Sri Gan Sao Wah, Chung Chen Sun, Chong Chen Chuan, Chung Lim, Chung Jing dan Zhang Shuyi.

Apa yang lebih menarik, lukisan Yang Dipertua Negeri Melaka turut dipamerkan di galeri ini bermula 16 April hingga 20 April 2017. Pengajuran pameran lukisan ini telah menjadi platform kepada Malaysia dan Melaka mempromosikan kebudayaan dan keunikan negeri ke peringkat antarabangsa.

Jumlah perdagangan China dalam kalangan negara ASEAN dijangka mencecah AS\$1 trilion pada 2020. Hasil lawatan kerja kerajaan negeri Melaka ke China telah menjadi titik tolak kepada hubungan kerjasama yang lebih erat antara Melaka dan negara itu.